

## **BAB TIGA**

### **PROSES PELAKSANAAN MULTIMEDIA**

#### **DALAM KHUTBAH JUMAAT**

##### **3.1 PENGENALAN**

Dunia kini sedang bergerak menuju era baru yang membawa perubahan kepada kehidupan manusia sama ada bersifat evolusi atau revolusi. Perubahan ini turut membawa pelbagai pembaharuan dalam bidang teknologi multimedia. Pengendalian dan proses pelaksanaan khutbah Jumaat menerusi penggunaan multimedia merupakan satu nafas baru dalam metod penyampaian dakwah pada masa kini. Di samping itu, di dalam khutbah Jumaat terdapat unsur-unsur pengajaran yang bermakna serta mesej-mesej yang dikemukakan dianggap mempunyai nilai yang tinggi untuk diterima di dalam kehidupan seorang muslim.

Tugas seorang khatib adalah untuk meninggalkan kesan kepada pendengar jauh lebih mudah jika dibandingkan dengan peminato di atas pentas-pentas lain. Hubungan di antara khatib dan pendengar juga sedia terjalin melalui penghormatan yang diwujudkan atas rasa keketuaan dalam bidang keagamaan dalam kariahnya. Justeru, perlu difahami peranan khutbah juga merupakan faktor utama dalam mencorakkan kehidupan masyarakat Islam yang murni serta usaha-usaha berterusan yang perlu dilakukan agar masyarakat menghayati peranan dan kepentingannya dalam membentuk dan mentajdidkan minda masyarakat Islam.

Khutbah terutamanya khutbah Jumaat mempunyai potensi besar bagi membentuk agenda tertentu dalam meningkatkan taraf kehidupan umat Islam dalam menyampaikan maklumat dan ilmu pengetahuan. Rentetan itu, para khatib sewajarnya memberi pendedahan pengetahuan agama dan maklumat kejayaan masyarakat Islam yang berilmu. Sebagaimana Al-Quran telah menjelaskan di dalam surah Al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud: *“Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman diantara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama dari kalangan kamu beberapa darjat”*.

### **3.2 LATAR BELAKANG PELAKSANAAN KHUTBAH MULTIMEDIA JAWI**

Pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia mula diperkenalkan pada 3 Februari 2006 bersamaan 4 Muharram 1427. Masjid al-Muktafi Billah Shah<sup>167</sup> atau dikenali sebagai Masjid Ladang di Terengganu merupakan masjid pertama yang memperkenalkan multimedia sebagai medium penyampaian khutbah Jumaat.<sup>168</sup> Projek perintis ini diikuti pula oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) pada 19 Januari 2007.<sup>169</sup> Kini pelaksanaannya telah memasuki tahun ke empat sejak ia mula diperkenalkan.<sup>170</sup> Mengikut Laporan Pelaksanaan Khutbah Multimedia JAWI 2008 jumlah masjid dan surau Jumaat yang melaksanakan khutbah multimedia pada tahun 2008 ialah

---

<sup>167</sup>Masjid Al-Muktafi Billah Shah telah dibina di atas tapak seluas 3.3 ekar di tepi Jalan Sultan Mahmud bersebelahan dengan Hospital Kuala Terengganu. Perletakan batu asas Masjid Al-Muktafi Billah Shah telah dilakukan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia pada ketika itu, pada awal bulan Julai 1978. Masjid ini dibina dengan rasminya pada 2 Mei 1981 dan telah siap sepenuhnya pada 2 November 1984 dengan menelan belanja sebanyak 8.2 juta. Masjid ini telah digunakan pada 23 November 1994 yang dimulai dengan solat Jumaat.

(Lihat <http://museum.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/article5>, 4 Januari 2010).

<sup>168</sup> [http://fpx.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/cms/redang/index\\_article](http://fpx.terengganu.gov.my/maxc2020/portal/cms/redang/index_article), 4 Januari 2010.


<sup>169</sup>Bahagian Pengurusan Kariah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2008), Laporan Pelaksanaan Khutbah Multimedia JAWI 2008. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI), h. 1.

<sup>170</sup>Bahagian Pengurusan Kariah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (2008), Laporan Pelaksanaan Khutbah Multimedia JAWI 2008. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI), h. 1.

sebanyak 49 buah masjid dan 9 buah surau Jumaat.<sup>171</sup> Kini pelaksanaannya di masjid dan Surau Jumaat di sekitar Wilayah Persekutuan telah meningkat kepada 54 buah masjid dan 13 buah Surau Jumaat.<sup>172</sup> Terdapat sebanyak 54 buah masjid di bawah seliaan JAWI yang dibahagikan kepada 6 zon di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Setiap zon mempunyai 8 hingga 9 buah masjid yang mana setiap zon akan diselaraskan oleh seorang penyelaras bagi memantau dan menyelaraskan pelaksanaan khutbah Jumaat multimedia.<sup>173</sup>

### 3.3 PROSES PEMBANGUNAN KHUTBAH JUMAAT MULTIMEDIA JAWI


**Rajah 3.3:** Carta Aliran Proses Pembangunan Khutbah Multimedia JAWI



<sup>171</sup> *Ibid*, h.2

<sup>172</sup> Ustaz Mohd Hilme bin Umar, Penolong Pengarah Cawangan Khutbah dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Temubual pada 27 April 2010.

<sup>173</sup> Bahagian Pengurusan Kariah Jabatan Agama Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Feb 2010), *Senarai Masjid-Masjid dan Surau Jumaat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Jabatan Agama Wilayah Persekutuan (JAWI), h. 1-11.



### 3.3.1 Proses Penakrifan

Proses ini berlaku sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan. Melalui proses ini pembangunan projek perlu menentukan objektif dan fungsi yang diperlukan oleh pengguna. Berikut merupakan fungsi-fungsi Unit Khutbah & Latihan (JAWI) yang menguruskan penyediaan khutbah Jumaat multimedia.<sup>174</sup>

- Tujuannya adalah merancang, menyedia, mencetak dan mengedarkan teks khutbah Jumaat dan dua hari raya.
- Selain itu, fungsi unit latihan dan khutbah adalah merancang dan menerbitkan teks khutbah Bahasa Inggeris. Tujuan penggunaan Bahasa Inggeris di dalam teks khutbah adalah untuk kemudahan kepada para jemaah yang datang dari luar negara dan juga kepada saudara baru untuk memahami teks khutbah yang disampaikan.

<sup>174</sup> Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, <http://www.jawi.gov.my>, 5 November 2010.

- Seterusnya adalah dengan merancang, menyediakan dan mengedarkan khutbah multimedia.
- Akhir sekali, pihak yang bertugas akan memantau dan menilai penyampaian khutbah dan pelaksanaan khutbah multimedia di masjid-masjid dan surau Jumaat di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- Selain itu, mereka juga merancang dan melaksanakan kursus dan latihan kepada pegawai-pegawai masjid dan surau serta ahli jawatankuasa masjid/surau.
- Mengurus dan menyelaraskan laporan aktiviti bahagian ke dalam laman web JAWI untuk dimaklumkan kepada orang ramai.

### 3.3.2 Proses Perancangan

Penyediaan dan penyampaian khutbah tidaklah semudah yang difikirkan. Ia bukan sekadar menyampaikan mesej kepada makmum tetapi juga memerlukan mesej tersebut disampaikan dengan cara yang teratur, menarik dan berkesan. Penyampaian yang berkesan ialah penyampaian yang memberi keyakinan kepada pendengar, dapat mempengaruhi pendengar dan menyebabkan pendengar boleh menerima malah sanggup menurut saranan dan gesaan yang diutarakan.<sup>175</sup> Sebelum memulakan sesuatu perkara atau tindak tanduk kerja, sesebuah organisasi perlulah melalui proses perancangan kemudian akan disusuli oleh setiap tindakan yang telah dirancang. Berdasarkan keterangan dibawah ini, pengkaji akan menghuraikan definisi, kepentingan perancangan dan bagaimana bermulanya susun atur proses perancangan pelaksanaan multimedia dalam khutbah Jumaat.

---

<sup>175</sup> Maimunah Osman (2000), *Pengucapan Awam Yang Berkesan*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), h.40.

Dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, kegiatan merancang merupakan fungsi utama. Perancangan amat diperlukan untuk memastikan sesebuah organisasi itu mempunyai matlamat yang spesifik dan membentuk kaedah-kaedah tertentu untuk mencapai matlamat dan gerak kerja yang berkualiti.<sup>176</sup> Sebagai contoh pihak pengurusan JAWI di unit Latihan dan Khutbah akan merancang dan menyusun tajuk-tajuk khutbah berdasarkan kepada isu-isu semasa seperti isu halal haram, ajaran sesat, hari-hari kebesaran Islam seperti memperingati Israk Mikraj, Nuzul Al-Quran, Wuquf dan Arafah, hari-hari kebesaran Negara seperti Hari Kebangsaan, hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, khutbah khusus seperti gerhana dan istisqa' dan mengenai dorongan supaya berbuat kebaikan dan menjauhi larangan yang ditegah di dalam agama Islam.<sup>177</sup>

Selain itu, perancangan yang bersistematik akan menghasilkan natijah yang baik manakala perancangan yang tidak sistematik akan menghasilkan kesan yang tidak baik. Perancangan dianggap sebagai teras untuk menggerakkan fungsi lain seperti pengorganisasian, pengarahan dan kawalan. Banyak tafsiran diberikan terhadap definisi perancangan. Tafsiran ini lebih mementingkan aktiviti tetapi tidak mementingkan sistem perancangan dan tindakan. Mereka mengatakan perancangan adalah penentuan tentang perkara yang hendak dibuat, bagaimana melaksanakannya dan siapa yang akan melaksanakannya.<sup>178</sup> Berikut merupakan beberapa prinsip yang perlu dibuat di dalam sebarang perancangan<sup>179</sup>:

---

<sup>176</sup> Rozhan Othman (1990), *Pengurusan Dakwah*, Selangor: Ummah Media Sdn. Bhd , h.47.

<sup>177</sup> Ustaz Mohd Hilmee bin Umar, Penolong Pengarah Cawangan Khutbah dan Latihan, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Temubual pada 27 April 2010.

<sup>178</sup> Chek Mat (2001), *Penyeliaan Berkesan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd, h. 99-100.

<sup>179</sup> Khaliq Ahmad (2006), *Management From Islamic Perspective*, Kuala Lumpur: Research Centre International Islamic University Malaysia (IIUM), h. 92.

- a) Perancangan yang dibuat hendaklah berdasarkan data-data dan maklumat yang jelas. Oleh itu, sebarang rekod atau data-data yang lepas amat berguna untuk dijadikan sebagai rujukan semula.
- b) Standard pencapaian dalam setiap aspek perancangan hendaklah ditetapkan untuk membolehkan pemantauan dilaksanakan.
- c) Sebarang perancangan hendaklah bersifat fleksibel iaitu boleh diubahsuai berdasarkan pencapaian yang diukur. Pengubahsuaian terhadap perancangan dibuat apabila standard yang ditetapkan tidak dapat dicapai.
- d) Komunikasi atau perhubungan yang berkesan antara kesemua aspek di dalam perancangan adalah penting.

Perancangan juga dianggap sebagai matlamat yang dibuat untuk memenuhi keadaan yang dijangkakan. Oleh itu, proses perancangan itu tidak akan terhenti apabila sesuatu matlamat itu dapat dicapai.

### 3.3.2 (a) Pengumpulan Bahan Khutbah

Sebelum unit latihan khutbah menyediakan intisari khutbah, perkara pertama yang dilakukan adalah mencari dan mengumpulkan bahan-bahan penting di dalam penulisan kerana ia melibatkan mesej atau isi penting khutbah yang hendak disampaikan seiring dengan pencapaian objektif yang telah digariskan berdasarkan pada tajuk-tajuk yang telah dirancangan. Usaha ini perlu kepada tempoh masa, akan tapi ia memerlukan kepada inisiatif dan kesungguhan ahli panel dalam merangka isi-isi penting yang bersesuaian dan tepat dengan tajuk khutbah yang hendak ditulis.

Oleh itu, di antara kaedah pengumpulan bahan khutbah yang boleh diperolehi adalah melalui sumber-sumber penyelidikan ilmiah. Tajuk dan isi kandungan khutbah yang ingin disampaikan perlulah diteliti terlebih dahulu dan sentiasa memperbaharunya agar maklumat serta input yang disampaikan dapat memberi manfaat yang berguna kepada para jemaah. Penyelidikan juga boleh dibuat melalui rujukan buku-buku, majalah, rencana, laporan, internet, surat khabar, jurnal dan sebagainya.<sup>180</sup> Melalui hasil rujukan-rujukan ilmiah ini ahli panel akan mencipta satu tajuk berdasarkan kepada isu-isu semasa dan perkara-perkara yang menyentuh mengenai hal-hal keagamaan untuk dirangka dalam karangan teks khutbah. Selain itu, setiap idea yang diutarakan di dalam khutbah perlulah disokong dengan ayat-ayat al-Quran, hadith-hadith Nabi, kata-kata fuqaha', ulama', ahli-ahli tafsir, syair-syair Arab dan kata-kata bidalan yang sesuai dengan masa yang tidak terlalu panjang dan tidak juga terlalu pendek.<sup>181</sup>

### 3.3.2 (b) Penyediaan Intisari Khutbah Jumaat Multimedia JAWI

Seterusnya, setelah selesai mengumpul bahan-bahan dan rujukan penting untuk dijadikan teks khutbah, perkara pertama yang perlu dilakukan adalah dengan mengeluarkan keseluruhan isi-isi penting kandungan teks khutbah kepada bentuk multimedia, kemudian di susun atur dalam bentuk gambar rajah mudah. Melalui cara ini, ia adalah lebih mudah untuk para jemaah memahami setiap mesej khutbah yang ingin disampaikan oleh khatib. Penyediaan intisari khutbah ini di sediakan dalam dua bentuk

---

<sup>180</sup> Maimunah Osman (2000), *Pengucapan Awam Yang Berkesan*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), h.42.

<sup>181</sup> Ustaz Mohd Hilme bin Umar, *Penolong Pengarah Cawangan Khutbah dan Latihan*, Bahagian Pengurusan Kariah JAWI. Temubual pada 27 April 2010.



iaitu bentuk *hardcopy*<sup>182</sup> dan *softcopy*<sup>183</sup>. Penyediaan dalam bentuk ini bertujuan untuk dijadikan sebagai simpanan dan rujukan semula apabila berlaku sesuatu masalah teknikal.

### 3.3.3 Proses Pelaksanaan

#### 3.3.3 (a) Penyediaan Paparan Slaid Khutbah Multimedia

Selepas daripada hasil perancangan penyediaan intisari khutbah, khutbah multimedia di laksanakan dengan menggunakan perisian *Microsoft Office Power Point 2007* yang mana ia memuatkan intisari-intisari penting daripada setiap perenggan teks khutbah.

Intisari-intisari tersebut adalah terdiri daripada teks-teks bahasa Arab bagi rukun-rukun khutbah, ayat al-Quran serta terjemahan, matan hadis sahih serta maksud hadis dan khutbah kedua serta doa. Manakala latar belakang khutbah multimedia direkabentuk dengan menggunakan gambar-gambar, corak-corak dan abstrak yang bersesuaian berdasarkan kepada tajuk dan isi khutbah dengan menggunakan Adobe Photoshop atau Illustrator.

#### 3.3.3 (b) Pengagihan Tenaga Kerja

Pertama, orang yang bertanggungjawab dalam mengendalikan khutbah multimedia ini adalah petugas setiap masjid di bawah seliaan JAWI. Perkara pertama yang perlu dilakukan oleh pengendali adalah dengan memastikan semua peralatan khutbah multimedia seperti komputer riba, LCD projektor dan skrin layar putih dipasang sekurang-kurangnya setengah

---

<sup>182</sup> *Hardcopy* bermaksud satu alat yang digunakan untuk mencetak tulisan dan gambar pada media keras seperti kertas atau film.

<sup>183</sup> *Softcopy* bermaksud satu alat yang digunakan untuk menampilkan tulisan dan gambar pada media lembut yang boleh disimpan di dalam perisian komputer.

jam sebelum khutbah Jumaat bermula.<sup>184</sup> Tujuan perkara ini dilakukan adalah untuk memastikan segala peralatan yang akan digunakan berfungsi dengan baik dan berada dalam kondusi yang teratur.

Seterusnya perkara kedua, pengendali perlulah menyemak terlebih dahulu setiap isi kandungan slaid khutbah multimedia *Microsoft Office Powerpoint* hendaklah bertepatan dengan khutbah manual yang dibekalkan oleh pihak JAWI. Semak kombinasi warna pada setiap tulisan dan latar belakang setiap slaid agar kombinasi warna yang dipaparkan bersesuaian dan tidak terlalu menonjol warnanya. Selain itu, semak dan pastikan saiz font yang digunakan pada tulisan tajuk besar, tulisan ayat al-Quran, hadis serta terjemahannya bersesuaian dan dapat dilihat dan dibaca oleh para jemaah. Di samping itu juga, pengendali haruslah membuat latihan atau praktis sekurang-kurangnya sekali bagi memastikan kelancaran ketika pelaksanaan khutbah multimedia.

Selain itu, tugas pengendali hendaklah merujuk khutbah manual multimedia ketika khatib sedang membaca khutbah dan menukar slaid mengikut turutan nombor yang telah ditetapkan bagi memastikan slaid yang dipaparkan selari dengan teks yang dibaca oleh khatib. Langkah seterusnya yang perlu dikendalikan adalah, pada slaid pertama khutbah multimedia yang mengandungi tajuk khutbah dan tarikh hendaklah ditayangkan selewat-lewatnya ketika azan kedua solat Jumaat.

Akhir sekali, tugas pengendali juga adalah digalakkan untuk menambah sebarang info seperti nama khatib dan bilal bertugas, aktiviti yang akan dijalankan di masjid dan surau atau maklumat kepada para jemaah sebelum solat Jumaat bermula sebagai

---

<sup>184</sup> Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, [www.jawi.gov.my/Khutbah](http://www.jawi.gov.my/Khutbah), 21 Oktober 2010.

pengumuman untuk jemaah sekalian. Oleh itu, inilah panduan-panduan yang diarahkan oleh pihak JAWI kepada pengendali-pengendali yang ditugaskan di setiap masjid dalam melaksanakan khutbah Jumaat multimedia.

### 3.3.4 Proses Pembangunan

#### 3.3.4 (a) Penyediaan perkakasan dan perisian multimedia

Di antara perisian utama yang digunakan dalam proses pembangunan perisian khutbah Jumaat multimedia ini adalah *Microsoft Office Power Point 2007* dan *Adobe Photoshop 6.0*. *Microsoft Office Power Point* adalah program bantu yang digunakan untuk penyiaran secara mudah, efektif dan profesional. Tujuannya adalah untuk memudahkan audiens untuk memahami dan tertarik dengan persembahan yang ditayangkan. Manakala *Adobe Photoshop* ialah perisian yang digunakan untuk melukis grafik, memanipulasi objek dan imej dua dimensi atau tiga dimensi yang telah diimbab, mewarna serta memberi kesan tertentu kepada objek atau imej tersebut. Perisian ini mempunyai perisian sokongan dan *plug in*<sup>185</sup> untuk membantu proses memanipulasi objek, imej dan grafik dengan lebih berkesan seperti *Image Ready*, *After Effect*, *Adobe Dimension* dan *Adobe Illustrator*. Keperluan perkakasan bagi membangunkan perisian khutbah multimedia ini terdiri daripada pelbagai peralatan. Antaranya adalah peralatan seperti berikut:

- i. Komputer peribadi
  - Mikrokomputer peribadi yang serasi dengan IBM dengan Intel Processor, Pentium 133MHz atau lebih

---

<sup>185</sup>Plug in bermaksud (palam dalam) iaitu secebis perisian yang menambah ciri-ciri tertentu kepada sebuah perisian utama. Contohnya pelayar web mempunyai "plug in" seperti *Macromedia Shockwave* dan *VDO Live*. Ia melibatkan sebahagian daripada perisian "plug in" yang dimasukkan oleh perisian utama. Dengan itu perisian utama boleh memilih mana satu perisian yang perlu digunakan.

- Ingatan Capaian Rawak (RAM) 64 MB atau lebih. RAM ini merupakan ingatan untuk dibaca dan ditulis. Ia merupakan ingatan yang memegang/menyimpan sementara data selagi ada elektrik.  
Data atau maklumat boleh disimpan atau dicapai secara rawak (di mana-mana dan secara langsung dan cepat).<sup>186</sup>
  - Ruang storan cakera liut sekurang-kurangnya 2 GB. Ruang storan bebas sebanyak 50 MB. Ruang ini diperlukan untuk memuatkan pelbagai perisian yang digunakan dalam pembangunan perisian.
  - Pemacu CD-ROM dengan kelajuan sekurang-kurangnya 8X dan pemacu cakera 3.5" (1.44 MB)
  - Kad suara serasi dengan *Windows* dan *Sound Blaster*
  - Monitor berjenis SGVA/VGA dengan 640 x 480 pixels paparan 256 warna. Kualiti sesuatu monitor bergantung kepada beberapa sebab. Di antaranya ialah bilangan titik (*pixel*) yang dipaparkan oleh skrin monitor komputer tersebut. Lebih banyak bilangan titik (*pixel*), lebih tajam dan lebih berkualiti teks dan grafik yang dipaparkan.
  - Mikrofon dan pembesar suara
  - Papan kekunci dan tetikus
- ii. Skrin layar putih (setiap saiz skrin layar putih bergantung kepada keluasan setiap masjid)
- iii. LCD Projektor

---

<sup>186</sup> <http://www.sabah.edu.my/mtc017.wcdd/storanprimer.html>, 5 November 2010.

### 3.3.5 Proses Penilaian

Setelah selesai proses pelaksanaan dan pembangunan, akhirnya proses penilaian paparan slaid khutbah multimedia dilakukan dan terus dirujuk oleh Penolong Pengarah. Kemudiannya, paparan slaid tersebut akan dikemaskinikan oleh Ketua Penolong Pengarah (KPP) di unit Pengurusan dan Kariah Cawangan Khutbah dan Latihan di JAWI.

#### 3.3.5 (a) Di Semak Dan Mendapat Kelulusan

Khutbah multimedia yang telah siap akan disemak oleh Ketua Penolong Pengarah (KPP). Setiap perenggan teks pada paparan slaid tersebut akan disemak dengan melihat kesalahan dari sudut ejaan dan tatabahasa. Setelah selesai disemak, paparan slaid tersebut perlulah mendapat kelulusan daripada Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Kariah (KPPBPK) terlebih dahulu sebelum diedarkan kepada masjid-masjid Wilayah Persekutuan.

## 3.4 PROSES PENYAMPAIAN

Akhirnya, proses penyampaian intisari khutbah multimedia akan ditayangkan di masjid-masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pelaksanaan khutbah multimedia akan dilakukan oleh kakitangan JAWI yang telah ditugaskan khas di setiap masjid. Penyelenggaraan proses tayangan tersebut akan dimulakan setengah jam lebih awal sebelum masuknya waktu solat Jumaat.

Khatib perlulah menyampaikan khutbahnya dengan lebih berkesan agar para jemaah dapat memberi respon dan tindak balas yang baik terhadap apa yang diutarakan olehnya. Di dalam Sahih Bukhari terdapat sebuah hadis Mauquf kepada Saidina Ali K.W.J yang bermaksud, “Apabila kamu bercakap kepada manusia, hendaklah kamu mengukur kadar

keupayaan akal mereka”. Panduan umum ini menekankan bahawa di dalam proses penyampaian khatib perlulah mengambil kira keupayaan penerima iaitu para jemaah dan sumber mesej atau *mauduk*<sup>187</sup> yang disampaikan benar-benar difahami dalam konteks yang betul. Ini adalah kerana, terdapat di kalangan para jemaah yang mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza, pengalaman hidup yang berlainan serta persepsi amalan agama yang dibudayakan dalam konteks kehidupan sesebuah masyarakat tertentu misalnya, akan mempunyai kadar keupayaan kefahaman yang berlainan.<sup>188</sup>

Di samping itu, terdapat beberapa suasana yang perlu diberi perhatian oleh khatib untuk meningkatkan keberkesanan penyampaian khutbah.<sup>189</sup> Antaranya ialah:

- a) Apabila penyampaian mesej berlaku secara sehala, interaksi antara sumber dengan penerima adalah rendah.
- b) Apabila penyampaian mesej berlaku secara formal, khatib perlulah merancang terlebih dahulu *mauduk*<sup>190</sup> atau topik tajuk penyampaian.
- c) Komunikasi yang berlaku secara bersemuka dan melibatkan jumlah sasaran yang ramai.

Selain itu menurut pendapat George Campbell<sup>191</sup> seorang ahli falsafah barat menyatakan bahawa dalam mencapai tujuan pengucapan (berpidato), sekurang-kurangnya terdapat empat konsep iaitu:

---

<sup>187</sup> Istilah *mauduk* bermaksud tajuk utama atau topik sesuatu perbincangan. Lihat Osman Hj Khalid (2006), *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dawama Sdn. Bhd, h. 2652.

<sup>188</sup> Koleksi Kertas Kerja Isu Semasa (2006), “Menghurai Permasalahan Islam Semasa”, Siri 4, Kuala Lumpur: Pustaka Yamien Sdn. Bhd, h. 46-47.

<sup>189</sup> Zulkiple Abd Ghani (2001), *Khutbah: Medium Komunikasi Pembangunan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, h. 51.

<sup>190</sup> *Ibid*, h. 2652.

<sup>191</sup> George Campbell (1988), *The Philosophy of Rhetoric*, America: Production Supervised By Natalia Nadruga, h.1.

- i. Menyampaikan mesej atau maklumat dengan menyatakan tujuan pengucapan tersebut.
- ii. Memberi dan menyegerakan kefahaman kepada khalayak.
- iii. Mendorong melahirkan imaginasi dan kesenangan dengan menggerakkan kecenderungan perasaan seronok dan bersemangat di kalangan khalayak.
- iv. Mempengaruhi dan mengubah perasaan, pemikiran dan tingkah laku serta mengalih kepercayaan khalayak.

Konsep-konsep yang telah dihuraikan di atas, perlulah dipraktiskan kepada para khatib agar segala isi kandungan penyampaian mereka mendapat perhatian dan memberi kesan dalam hati para pendengar.

### **3.5 PENGENALAN MASJID SABA<sup>192</sup>**

Lokasi kajian pengkaji adalah di Masjid SABA, Bangsar. Oleh itu, pengkaji ingin memperkenalkan serba sedikit mengenai latar belakang Masjid SABA. Pertama sekali, usaha untuk mendirikan sebuah masjid di kawasan Bangsar telah pun disuarakan oleh penduduk tempatan pada tahun 1976. Perkara tersebut telah dipersetujui oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dalam mesyuaratnya pada 25 Julai, 1977. Berikutan dengan itu, satu mesyuarat telah diadakan di Masjid Negara pada 27 November, 1977 di antara penduduk tempatan dengan YB Dato' Othman bin Abdullah, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada ketika itu. Hasil dari perjumpaan tersebut sebuah Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bangsar telah dilantik bagi mengendalikan pembinaan masjid ini.

---

<sup>192</sup> <http://masjidbangsar.blogspot.com/2009/09/sejarah-penubuhan.html>, 21 Oktober 2010.

Jawatankuasa Pembinaan Masjid Bangsar telah melantik Jawatankuasa Kecil untuk merancang dan menguruskan pembinaan bangunan masjid. Mereka terdiri daripada pakar-pakar perunding yang tinggal di kawasan Bangsar. Hasil daripada usaha mereka, satu reka bentuk masjid telah dipersetujui oleh pihak yang berkenaan sebagaimana pelan yang telah diluluskan. Untuk membiayai pembinaan bangunan masjid dan peralatannya maka Jawatankuasa telah melancarkan usaha memungut derma secara besar-besaran daripada Islam di kawasan Bangsar khasnya dan Malaysia amnya. Sebanyak RM700,000 telah dapat dikumpul dan wang tersebut telah diserahkan kepada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI).

Seterusnya, pada 18 Julai 1980, pihak kontraktor telah menerima penyerahan tapak binaan masjid. Majlis penentuan arah Kiblat telah dilakukan pada 24 Ogos, 1980 dan disahkan oleh S.S. Dato' Sheikh Abdul Mohsein bin Hj Salleh, Mufti Wilayah Persekutuan. Pada 23hb November 1980, upacara perletakan batu asas masjid telah disempurnakan oleh YB Dato' Amar Hj Abdul Taib bin Mahmud, Menteri Wilayah Persekutuan pada ketika itu. Akhirnya, bangunan masjid ini telah siap pembinaannya pada bulan Mac, 1982 dan diterima dengan rasminya daripada pihak kontraktor oleh Yang Berbahagia Pemangku Dato' Bandar Kuala Lumpur yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan pada 29 Mac 1982. Pada 14 Jun 1980, AY Tan Sri Sheikh Mohsin bin Hj Salleh selaku mufti Wilayah Persekutuan telah bersetuju dengan reka bentuk dan kemudahan dalam masjid dan telah menamakannya 'MASJID SAIDINA ABU BAKAR AS-SIDDIQ BANGSAR, KUALA LUMPUR'.<sup>193</sup>

---

<sup>193</sup> Catatan Sejarah dan Program sempena 25 Tahun (1982-2007) Masjid Saidina Abu Bakar As- Siddiq Bangsar, Kuala Lumpur, h.11.



Masjid ini menjadi pelopor kepada penamaan masjid dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menggunakan nama sahabat-sahabat Rasulullah S.A.W.<sup>194</sup> Setelah dua tahun berikutnya, pada 9 April 1982 solat Jumaat telah disempurnakan buat pertama kalinya di Masjid SABA dan Mufti Wilayah Persekutuan Allahyarham Tan Sri Sheikh Mohsin bin Hj Salleh dengan penuh semangat dan kesyukuran telah menjadi khatib dan imam pada hari yang bersejarah itu. Akhirnya, pada tanggal 15 Julai 1982, masjid yang dinamakan Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq, Bangsar telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong VII, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah.

### 3.5.2 Konsep Masjid SABA

Pembinaan Masjid Saidina Abu Bakar As-Siddiq telah dirancang berpandukan kepada tradisi kegunaan masjid sebagai pusat kemasyarakatan dan juga mengikut prinsip-prinsip Islam. Ia berfungsi sebagai pusat untuk anak-anak kariah di sekitar kawasan Bangsar yang mempunyai penduduk sekitar 20,000 orang beragama Islam.<sup>195</sup>

Bentuk senibinanya merupakan satu penjelmaan kreatif yang agak moden sesuai dengan zaman, kemudahan teknologi dan peruntukan kewangan. Di samping itu, tema serta ciri-ciri tradisional senibina yang selalu dihubungi dengan bentuk sebuah masjid tidak ketinggalan digabungkan dalam reka bentuknya dan boleh dijadikan sebagai lambang agama sepertimana menurut kefahaman orang ramai.

---

<sup>194</sup> *Ibid*, h.12.

<sup>195</sup> <http://masjidbangsar.blogspot.com/2009/09/sejarah-penubuhan.html>, 21 Oktober 2010.

Oleh itu, peruntukan kubah, menara serta gapura-gapura (arches) telah diserapkan untuk mewujudkan satu identiti senibina masjid yang moden tetapi tetap mudah dikenali sebagai sebuah masjid. Masjid ini dibahagikan kepada tiga aras. Pada Aras Pertama diadakan kemudahan kemasyarakatan serta penyediaan untuk beribadat, antaranya ialah:

- Kelas Agama Rakyat untuk kanak-kanak
- Tadika
- Dewan Syarahan
- Bilik pengurusan jenazah
- Pejabat Masjid
- Bilik Perpustakaan
- Kantin dan tempat penyediaan makanan
- Tandas dan bilik mandi
- Bilik Wuduk

Aras Dua dan Aras Tiga dikhaskan untuk bersembahyang dan beribadat. Pada Aras Dua terletak Dewan Sembahyang Utama yang berpermaidani dengan muatan 1000 orang jemaah serta ruangan tambahan (balkoni berlantai marmar) yang memuatkan 1,250 orang jemaah. Seterusnya pada aras tiga terdapat ruang sembahyang tambahan. Ini bagi menampung jumlah kapasiti jemaah yang ramai terutamanya solat pada hari Jumaat dan solat dua hari raya.<sup>196</sup>

---

<sup>196</sup>Ust Hazman B. Hashim, Ketua imam masjid SABA. Temubual pada 2 Disember 2010.

Secara keseluruhannya, bangunan Masjid SABA dapat menampung seramai 3,000 orang jemaah di dalamnya.<sup>197</sup> Bagi menampung jumlah jemaah ketika solat Jumaat, terdapat dataran di luar bangunan yang boleh memuatkan lagi lebih ramai para jemaah. Dari segi peralatan canggih teknologi maklumat, masjid ini telah dibekalkan dengan peralatan multimedia dalam penyampaian khutbah Jumaat. Segala peralatan multimedia seperti laptop, LCD dan layar putih telah disumbangkan oleh pihak JAWI. Selain itu, keistimewaan masjid ini ialah kubahnya yang besar, berukuran garis pusat 16.6 meter dan ketinggiannya 24 meter dari lantai Dewan Sembahyang Utama. Bahagian dalam kubah dihiasi dengan motif geometri Islam menggunakan “gypsum plaster” dan bahagian luarnya dilapisi kepingan aluminium berwarna emas yang turut bermotifkan seni Islam. Keseluruhan kubah ini disanjung di pertengahan Dewan Sembahyang Utama oleh satu rangkaian struktur yang menarik.

Dari sudut ukirannya adalah ukiran tebuk kayu mengikut motif-motif geometri seni Islam digunakan di dinding-dinding mehrab dan di jendela-jendela. Tidak ketinggalan juga kerusi khatib dihias dengan motif ukiran Islam yang setanding. Surah Al-Mukminun ayat 1 dan ayat 2 berserta terjemahannya telah diukir atas kayu jelutung yang besar dan dilekatkan di bahagian atas arca mehrab sebagai hiasan. Dinding-dinding bahagian hadapan dewan sembahyang pula dihiasi dengan indah oleh ukiran gergasi keseluruhan Surah Al-Mukminun yang diukir dengan seni khat nasakh oleh pengukir dari Kelantan. Sebuah menara setinggi 43.3 meter menjadikan ia sebuah masjid yang lengkap dengan unsur tradisi. Ia dibina menjulang tinggi dari sebuah kolam hiasan

---

<sup>155</sup>Ust Hazman B. Hashim, Ketua imam masjid SABA. Temubual pada 2 Disember 2010.

(kini telah ditutup) dan puncak menara ini dihiasi dengan aluminium berwarna emas yang serasi dengan kepingan aluminium di kubah masjid.<sup>198</sup>

### **3.6 KESIMPULAN**

Secara kesimpulannya, pelaksanaan khutbah multimedia merupakan satu nafas baru dalam mengorak langkah ke arah pencapaian penggunaan teknologi maklumat pada masa kini. Kaedah ini merupakan satu inisiatif yang diambil oleh pihak JAWI dalam meningkatkan mutu penyampaian khutbah Jumaat yang lebih berkesan.

---

<sup>198</sup> Catatan Sejarah dan Program sempena 25 Tahun (1982-2007) Masjid Saidina Abu Bakar As- Siddiq Bangsar, Kuala Lumpur, h.15.